

**NO. SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran pengurangan pelaburan PETRONAS di luar negeri dan kesannya kepada pendapatan PETRONAS serta alasan penarikan pelaburan tersebut.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada pengurangan pelaburan (*capital investment*) PETRONAS di luar negeri malahan meningkat dari RM10.3 bilion pada tahun 2010 kepada RM13.0 bilion pada tahun 2011 dan RM14.1 bilion pada tahun 2012 seperti di Jadual berikut:

<b>Tahun</b>	<b><i>International Capital Investment</i> (RM Bilion)</b>
2012 <sup>1</sup>	14.1
2011 <sup>2</sup>	13.0
2010 <sup>3</sup>	10.3

Pelaburan PETRONAS dibuat berdasarkan peluang yang sedia ada pada masa itu dan dinilai berdasarkan merit dan pulangan pelaburan tersebut.

PETRONAS pada masa ini beroperasi dan mempunyai pelaburan dalam pelbagai projek minyak dan gas di lebih daripada 25 buah negara. Selaras dengan usaha pengurusan portfolio pelaburan yang mantap dan berkeuntungan, PETRONAS sentiasa menjalankan kajian portfolio pelaburan yang komprehensif bagi menilai pelaburan perniagaan serta strategi untuk memastikan kemampunan pelaburan bagi jangka masa yang panjang.

Sekian. Terima kasih.

<sup>1</sup>Tempoh tahun kewangan 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012

<sup>2</sup>Tempoh kewangan 1 April 2011 hingga 31 Disember 2011

<sup>3</sup>Tempoh kewangan 1 April 2010 hingga 31 Mac 2011